

UM - 04 MAR 2004

Kronologi spekulasi pilihan raya umum ke-11

- 2 Januari 2002 – Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau akan 'turun pang' memberi sokongan moral kepada calon LJMNO dan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum ke-11.
- 28 Mac 2002 – Dr. Mahathir berkata, beliau tidak melihat sebarang sebab untuk mengadakan pilihan raya umum sebelum tahun 2004.
- 5 Februari 2003 – Dr. Mahathir menolak spekulasi beliau akan mengadakan pilihan raya umum sebelum meletakkan jawatan pada Oktober 2003.
- 1 Mei 2003 – Rang Pelan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya diwartakan, sekali gus membolehkan sejumlah 219 kerusi Parlimen dan 505 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) kecuali bahagian peringkat DUN Sarawak ditandingkan.
- 22 Jun 2003 – Ketua Menteri Sabah, Datuk Musa Aman membayangkan kemungkinan pilihan raya negeri Sabah yang ke-10 diadakan selepas Dr. Mahathir meletak jawatan pada Oktober 2003.
- 3 Julai 2003 – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi (Timbalan Perdana Menteri ketika itu) berkata, 'BN mempunyai peluang cerah untuk memenangi pilihan raya umum ke-11 walaupun penambahan kerusi Parlimen dan DUN tidak dilaksanakan.
- 26 Julai 2003 – Dr. Mahathir menjelaskan, Abdullah mungkin akan mengetuai BN pada pilihan raya umum akan datang.
- 1 September 2003 – Pengerusi Pergerakan Pemuda BN, Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata, beliau telah menerima arahan pucuk pimpinan supaya mempersiapkan sayap kanan parti itu untuk menghadapi pilihan raya umum ke-11.
- 7 November 2003 – SPR berpendapat peluang pilihan raya umum ke-11 diadakan Disember adalah tipis, sebaliknya menjangka ia akan berlangsung dalam tempoh enam bulan mulai sekarang.
- 16 Februari 2004 – Abdullah Ahmad Badawi menolak khabar-khabar angin berhubung kemungkinan Parlimen dibubarkan akhir bulan Februari.
- 22 Februari 2004 – Pas Kelantan mengakui akan kehilangan beberapa kerusi kepada BN.
- 23 Februari 2004 – Spekulasi pilihan raya umum ke-11 bakal diadakan pertengahan bulan depan semakin kuat dengan desas-desus menyebut Parlimen akan dibubarkan sebelum Dewan Rakyat bersidang mulai 8 Mac ini.
- 24 Februari 2004 – Abdullah mengesahkan tidak akan menghadiri Sidang Kemuncak G-15 di Venezuela sekali gus menguatkan lagi spekulasi bahawa pilihan raya semakin hampir.
- 3 Mac 2004 – Kenyataan pembubaran Parlimen dikeluarkan.